

MINGGU 09

FIQH WANITA DALAM IBADAT HAJI



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَيِّكَ اللَّهُمَّ لَبَيِّكَ لَبَيِّكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَيِّكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

- 1 Memahami dengan lebih jelas tentang jenis-jenis darah wanita.**
- 2 Mengetahui hukum asas berkaitan haid dan istihadah serta cara membezakan antara kedua-duanya.**
- 3 Mengenalpasti hukum asas berkaitan keluar angin dan keputihan.**
- 4 Mengetahui keperluan pengambilan pil.**
- 5 Mengenalpasti isu utama wanita semasa mengerjakan Haji.**

ISI KANDUNGAN

1

Jenis-jenis Darah

- ▶ Haid
- ▶ Istihadhah/Fasad
- ▶ Nifas

2

Isu-isu Berkaitan Haid

3

Isu-isu Berkaitan Istihadhah

4

Isu-isu Berkaitan Angin

5

Isu-isu Berkaitan Keputihan/Rutubat Al-Farj

6

Keperluan Pengambilan Pil

7

Isu-isu Semasa Mengerjakan Haji

TABUNG HAJI
جِعَلَ الْفَلَاح

Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

JENIS-JENIS DARAH DAN PENGERTIAN

JENIS-JENIS DARAH

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ^ص
فَإِذَا طَهَرْنَ فَأَتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ^ج إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْتَّوَابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ^ص
۲۲۲

"Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri."

Surah al-Baqarah: ayat 222

JENIS-JENIS DARAH

JENIS-JENIS DARAH



JENIS-JENIS DARAH

DARAH HAID

Syarak:

Darah tabi`ie (darah semulajadi), yang keluar daripada bahagian paling dalam rahim wanita sihat, apabila mencapai umur baligh, pada waktu-waktu dan tempoh tertentu.

JENIS-JENIS DARAH



DARAH ISTIHADHAH/FASAD

Darah yang keluar dari rahim wanita bukan pada masa yang boleh dihukumkan haid dan nifas.

TABUNG HAJI
جى على الفلاح

Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

JENIS-JENIS DARAH

DARAH NIFAS

Darah yang keluar daripada rahim wanita setelah kosong rahim daripada janin atau ketulan darah atau ketulan daging (bersalin atau gugur).

NOTA

Sekiranya selepas melahirkan anak tiada darah yang keluar (suci), wajib baginya untuk mandi wajib sebab melahirkan anak (wiladah).



ISU-ISU BERKAITAN HAID

ISU-ISU BERKAITAN HAID

Minimum Umur:
9 tahun Hijriah
(Qamariyyah)
(8 tahun, 8 bulan
21 hari Masihi/
Syamsiyyah)

PERMULAAN HAID


Sebelum 9 tahun
Qamariyyah
(taqriban)
dikira istihadah
atau penyakit

NOTA

Taqriban (lebih kurang).
Seseorang gadis melihat darah keluar sebelum genap 9 tahun dalam masa kurang 16 hari, sudah dikira sebagai haid.

TEMPOH HAID

TEMPOH HAID

**Minimum: 1 hari 1 malam (24 jam)****Maksimum: 15 hari 15 malam****Kebiasaan: 6 atau 7 hari dan malam**

Jawapan Rasulullah S.A.W. kepada Ummu Salamah:

لِتَنْظُرْ قَدْرَ اللَّيَالِي وَالْأَيَامِ الَّتِي كَانَتْ تَحْيِضُهُنَّ وَقَدْرَهُنَّ
مِنَ الشَّهْرِ فَتَذَدَّعُ الصَّلَاةَ ثُمَّ لِتَغْتَسِلَ وَلْتَسْتَفِرْ ثُمَّ تُصَلِّي

“Hendaklah perempuan itu mengenalpasti terlebih dahulu bilangan malam dan siang selama haid serta kadar hari-harinya pada setiap bulan. Setelah mengetahui waktu haid dan kadarnya itu, maka hendaklah dia menghentikan solat pada waktu-waktu tersebut. Sesudah waktu haid itu berakhir, dia dikehendaki mandi dan menampal kemaluannya dengan sehelai kain, lalu kerjakanlah solat.”

TEMPOH HAID

TEMPOH SEKURANG-KURANG HAID



Sekurang-kurang haid sehari semalam (24 jam)




Sama ada keluarnya terus-menerus atau terputus-putus dalam 15 hari 15 malam

NOTA

Darah itu dianggap terus-menerus 24 jam walaupun ia tidak kelihatan di luar. Namun jika dimasukkan kapas ke dalam kemaluan terdapat kesan darah pada kapas tersebut (fatrah).

TEMPOH HAID

Darah terputus-putus dan dicampur-campur dalam tempoh jumlah haid 15 hari 15 malam atau tempoh kebiasaan haid mencukupi 24 jam.



NOTA

Sekiranya berlaku *naqa'* (tiada darah di luar dan di dalam), wanita tersebut wajib solat. Wanita tersebut wajib mandi sekiranya darah sudah mencukupi 24 jam.

MASA SUCI DALAM TEMPOH HAID (NAQA')

Perbezaan di antara fatrah dan naqa':

FATRAH

Darah tidak kelihatan di luar, tetapi sekiranya dimasukkan kapas, masih kelihatan kesan darah (ia dikira haid tanpa khilaf).

NAQA'

Darah tidak kelihatan di luar dan di dalam (terdapat 2 pandangan, suci dan tidak suci).



MASA SUCI DALAM TEMPOH HAID (NAQA')

Dua (2) pandangan apabila darah keluar kembali setelah berlaku naqa':

Qaul Sahbi: Hari darah keluar dan berhenti dalam tempoh haid, semuanya dikira haid (pendapat rajih).

Qaul Laqti/Talfiq: Hari atau masa tidak keluar darah (naqa'), dikira suci.

HARI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
DARAH /NAQA'	DARAH	DARAH	FATRAH	FATRAH	FATRAH	DARAH	NAQA'	DARAH	NAQA'	DARAH
QAUL SAHBI	HAID	HAID	HAID	HAID	HAID	HAID	HAID (PADA HUKUM)	HAID	HAID (PADA HUKUM)	HAID
QAUL LAQTI /TALFIQ	HAID	HAID	HAID	HAID	HAID	HAID	SUCI	HAID	SUCI	HAID

HAID

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Naqa' adalah suci yang berlaku dalam tempoh haid dan ia boleh berlaku sama ada secara tabi'ie atau dengan memakan ubat. Tawaf yang dilakukan semasa naqa' adalah sah. Wanita yang dalam keadaan naqa' boleh terus melakukan tawaf tanpa perlu menunggu sehingga saat akhir sebelum ke Arafah atau ke Madinah atau pulang ke tanah air, dengan syarat ketujuh-tujuh pusingan tawaf dilakukan dalam keadaan yakin suci.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40/1445H.

WARNA DARAH HAID

- ◆ Majoriti: semua warna tersebut yang keluar dalam tempoh maksimum haid dikira haid.
- ◆ Dalilnya: Para wanita menghantar bekas berisi kapas kepada Aisyah R.A. dan Aisyah R.A. menjawab berdasarkan hadis:

لَا تَعْجِلْنَ حَتَّى تَرِينَ الْقَصَّةَ الْبَيْضَاءَ....

“ Janganlah kamu tergesa-gesa (untuk mandi dan bersolat) sehingga kamu melihat warna cecair putih....”

WARNA DARAH HAID

- Hitam/aswad
- Merah/ahmar
- Coklat/ashqar
- Kuning/asfar
- Keruh/akdar
(seperti air tanah atau kuning keputihan - tidak jernih)

DARAH HAID BERWARNA KUNING & KERUH

Sekiranya keluar selepas tempoh kebiasaan haid sehingga maksimum haid (15 hari), ulama' khilaf:

- Jumhur Ashab Syafi'e: dikira darah haid
- Abu Said, Abu 'Abbas, Abu Hamid, Imam Al-Haramain: cecair kuning dan keruh tidak dikira haid kerana ianya bukan darah, dianggap seperti nanah berdasarkan hadis Ummu Atiyyah:

كُنَّا لَا نَعْدُ الصُّفَرَةَ وَالْكُذْرَةَ بَعْدَ الطُّهُورِ شَيئًا

“ Kami tidak menganggap warna kekuningan dan keruh selepas suci itu sesuatu pun (iaitu darah haid). ”

DARAH HAID BERWARNA KUNING & KERUH

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Disarankan kepada jemaah haji wanita yang menghadapi masalah seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka haruslah berpegang kepada pendapat yang mengatakan kekuningan dan kekeruhan yang keluar selepas hari kebiasaan haid (yang telah diselangi dengan suci) tidak dikira haid.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI KE-22/1427H.

DARAH HAID BERWARNA KUNING & KERUH

KUNING DAN KEKERUHAN

Hanya terpakai kepada jemaah haji wanita yang akan meninggalkan Makkah dalam waktu terdekat.

Tidak terpakai jika waktu berada di Makkah masih panjang dan sempat menunggu tempoh suci.



TABUNG HAJI
جى على الفلاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

BAGAIMANA MENENTUKAN TELAH SUCI DARI HAID

Para ulama' menegaskan bahawa tanda suci haid ada dua (2):

1 Jufuf (kering darah)

Iaitu, jika diletakkan kain atau kapas di dalam kemaluan wanita (sekurang-kurangnya seruas jari), tidak akan dijumpai darah. Kapas tetap kering dan bersih.

(Shahih Fiqh Sunnah 1/207, Syarh Mumti' 1/433, Mukhtashar Khalil, 2/502)

2

Qassah al-baidha'

Cairan putih seperti kapur, yang keluar dari kemaluan wanita. Ada yang berpendapat, Qassah itu mirip adunan (tepung). Pendapat lain mengatakan: Qassah adalah cairan seperti benang putih.



ISU-ISU BERKAITAN ISTIHADAH

ISTIHADHAH

Darah keluar kurang dari tempoh minimum haid 24 jam atau 1 hari 1 malam

Darah keluar semasa hamil - selain Mazhab Syafi'e

Darah keluar selepas putus haid - selain Mazhab Syafi'e

Darah yang keluar antara dua pusingan haid di mana tempoh sucinya kurang daripada 15 hari


ISTIHADHAH

Darah yang keluar melebihi maksimum haid

ISTIHADAH

Darah Keluar Semasa Hamil

Darah ini dikira sebagai darah haid mengikut Mazhab Syafi'e sekiranya menepati syarat-syarat haid.



ISTIHADAH

Darah Keluar Selepas Putus Haid

- ◆ Usia menopaus seorang wanita adalah mengikut kebiasaan keluarganya.
- ◆ Lumrah usia menopaus ialah 62 tahun.
- ◆ Darah yang keluar selepas usia menopaus dikira haid. Ini berdasarkan pandangan Mazhab Syafi'e sekiranya menepati syarat-syaratnya.

ISTIHADAH

MENOPAUS
MENURUT
PERUBATAN

- ◆ Purata umur majoriti wanita Malaysia putus haid 49.5 tahun.
- ◆ Secara rawak wanita menopaus antara 45 hingga 55 tahun.
- ◆ Wanita benar-benar dikira menopaus bila tiada haid selama 6 bulan atau setahun berturut-turut.

HAID

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Darah yang keluar selepas putus haid bagi wanita yang telah tiada haid selama 6 bulan atau lebih dalam keadaan biasa dikira haid, ini berdasarkan kepada pandangan Syafi`iyyah.

Jika wanita tersebut menghadapi masalah, seperti tidak dapat melakukan Tawaf Rukun kerana terpaksa pulang ke Malaysia atau bertolak ke Madinah dan tiada pilihan maka ia dikira sebagai darah istihadhah, ini bertaklid kepada pandangan Malikiyyah, Hanafiyyah dan Hanabilah.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-35/1440H.

ISTIHADHAH

Tiga Kaedah
Penentuan Haid
dan Istihadah

1

Menyempurnakan
Baki Suci (MBS)

2

Tamyiz (perbezaan
sifat darah)

3

Adat



ISTIHADHAH

Tiga Kaedah Penentuan Haid dan Istihadah

1. Menyempurnakan Baki Suci (MBS).

Darah yang keluar antara dua pusingan haid di mana tempoh sucinya kurang daripada 15 hari.

DARAH PERTAMA

10 hari
Keluar darah

HAID 1

10 hari
Suci (Tiada Darah)

DARAH KEDUA

10 hari
Keluar darah

ISTIHADAH
5 hari

HAID 2
5 hari

10 + 5 hari (MBS)

Syarat untuk menggunakan kaedah menyempurnakan baki suci (MBS):

1. Darah kedua keluar selepas hari ke-15 dari permulaan haid.
2. Tiada diselangi dengan naqa' pada tempoh darah yang pertama.

ISTIHADHAH (MAMPU BEZA WARNA)

Tiga Kaedah Penentuan Haid dan Istihadah

2. Tamyiz: Darah kuat adalah Haid, darah lemah adalah Istihadah.

Darah Yang Keluar
Melebihi Maksimum Haid



Biasa mengalami haid dan mampu
bezakan warna darah haid

10 Hari = Haid

10 Hari = Istihadah

1

Majoriti: Tempoh haid dikira
mengikut kebiasaan haid

2

Imam Syafi'e kemukakan
dua (2) pendapat:

Penentuan tempoh haid mengambil kira
perbezaan warna darah; jika **10 hari merah
kehitaman, yang bakinya berwarna merah**,
tempoh 10 hari berwarna merah kehitaman
dikira haid, yang lain dikira istihadah,
dalil pendapat ini hadis:

دَمُ الْحَيْضُ أَسْوَدٌ يُعْرَفُ

Tempoh haid dikira mengikut tempoh
kebiasaan haid.



TABUNG HAJI
جِبَلُ الْفَلَاح



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

ISTIHADHAH (TIDAK MAMPU BEZA WARNA)

Tiga Kaedah Penentuan Haid dan Istihadah

3. Adat: Penentuan adat kebiasaan haid ditentukan dengan sekali haid pada bulan terakhir.

Darah Yang Keluar
Melebihi Maksimum Haid



Biasa mengalami haid. Tidak
mampu bezakan warna darah haid

Kurang 15 hari, semua hari keluar darah dikira sebagai haid.



Permulaan haid

Kebiasaan haid Maksimum haid

Lebih 15 hari, tempoh haid dikira mengikut kebiasaan haid.



Permulaan haid

Kebiasaan haid

Maksimum haid

ISTIHADAH

Darah yang keluar di peringkat awal kehamilan tanpa berlaku keguguran

- ◆ Darah yang keluar dalam keadaan di atas dikira darah fasad, bukan darah haid sekiranya tidak cukup 24 jam.
- ◆ Darah keluar selepas keguguran dikira sebagai darah nifas.



ISU-ISU BERKAITAN ANGIN

ANGIN

Angin Keluar dari Faraj

1

Wuduk terbatal apabila keluar sesuatu daripada qubul atau dubur.

2

Biasanya angin keluar daripada dubur, namun demikian ada yang mengalami keluar daripada qubul.

“Apakah angin keluar daripada qubul membatalkan wuduk?:”

Syafi'e, Ahmad dan Muhammad: Membatalkan wuduk

NOTA

Angin yang hanya berada di dalam faraj tidak membatalkan wuduk.



ANGIN

Keadaan angin yang keluar dari kemaluan hadapan

1 Angin* yang keluar dari saluran kencing atau qubul (lelaki atau perempuan)

BATAL WUDUK

2 Angin* yang keluar dari rahim melalui saluran peranakan

BATAL WUDUK

* Angin yang keluar terlalu kerap, dikategorikan sebagai *Daim al-Hadath*.

3 Angin tidak keluar daripada permukaan faraj dan hanya berada di dalam sahaja

TIDAK BATAL WUDUK

4 Bunyi diluar permukaan faraj kerana pergerakan otot faraj

TIDAK BATAL WUDUK

ISU-ISU BERKAITAN KEPUTIHAN/RUTUBAT AL-FARJ

KEPUTIHAN/RUTUBAT AL-FARJ

Keputihan/Rutubat al-Farj terbahagi kepada dua:

Keluar dari batin faraj, berbentuk seperti hingus dan lendir, adalah najis dan membatalkan wuduk. Ia WAJIB dibersihkan.

Keluar dari zahir faraj, berupa peluh atau lembapan, bukan najis dan tidak membatalkan wuduk.

NOTA

- Zahir faraj ialah kawasan yang terzahir ketika mencangkung dan WAJIB dibasuh semasa istinjaq dan mandi wajib.
- Batin faraj ialah bahagian faraj yang TIDAK WAJIB dibasuh ketika mandi wajib dan istinjaq (bahagian dalaman rongga faraj).

KEPUTIHAN/RUTUBAT AL-FARJ

1. Wanita yang keluar keputihan semasa tawaf, **BATAL** tawafnya.
2. Seandainya dia menyedari selepas selesai tawaf, tawafnya **SAH**.
3. Keputihan yang keluar secara berterusan dikategorikan sebagai daim al-Hadath, tawafnya **SAH**.
4. Bagi mengelakkan rasa was-was, jemaah Haji wanita boleh menyempal dengan kapas atau menggunakan *menstrual cup*.



DAIM AL-HADATH

Cara Berwuduk Daim al-Hadath

1

Bersihkan faraj daripada najis

2

Pakai tuala wanita di permukaan faraj

3

Ambil wuduk setelah masuk waktu solat

4

Satu wuduk untuk satu solat fardhu/tawaf fardhu/rukun, beberapa solat sunat & tawaf sunat

Cara ini berdasarkan penjelasan Rasulullah S.A.W. kepada Fatimah bt Hubaisy:

اغْتَسِلِي وَتَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلَاةٍ

KEPUTIHAN/RUTUBAT AL-FARJ

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Jemaah haji yang mengalami daim al-hadath boleh mengambil pandangan mazhab Maliki iaitu:

- i. Membersihkan najis dan boleh mengambil wuduk sebelum masuk waktu solat.
- ii. Meneruskan solat dengan wuduk yang sama selagi ia tidak terbatal oleh lain-lain perkara yang membatalkan wuduk.
- iii. Memperbaharui wuduk itu adalah sunat sahaja.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39/1444H.

NOTA

Pendapat ini boleh diguna pakai apabila berlaku kesukaran.

DAIM AL-HADATH

NIAT WUDUK DAIM AL-HADATH



Sahaja aku
mengambil wuduk
kerana Allah taala



Sahaja aku
mengangkat hadas
kecil kerana Allah taala

ISU-ISU BERKAITAN PENGAMBILAN PIL

PENGAMBILAN PIL

ISU PENGAMBILAN PIL

- Hukum pengambilan pil diharuskan dengan syarat:
 - ▶ Ubat yang digunakan tidak memudaratkan berdasarkan nasihat daripada pakar.
- Namun, tidak digalakkan memandangkan semua perkara wajib dan rukun dalam ibadat haji boleh dilakukan ketika haid melainkan tawaf sahaja.



PENGAMBILAN PIL

MENAHAN DARAH HAID DENGAN MEMAKAN UBAT

- Pengambilan pil tidak digalakkan kepada wanita yang tidak mempunyai masalah berkaitan kitaran haid.
- Antara kesan-sesan sampingan akibat pengambilan pil:
 - ▶ tiada keserasian dengan ubat tersebut yang menyebabkan darah keluar secara runcit dan berpanjangan.
- Jemaah perlu benar-benar faham cara pengambilan ubat penahan haid atau ubat mengatur kitaran haid kerana kedua-duanya mempunyai prosedur yang berbeza.

PENGAMBILAN PIL

PERHATIAN!

Segala masalah discaj, lendir yang berlebihan dan tidak selesa hendaklah berjumpa doktor untuk menerima rawatan sewajarnya.

Jemaah Haji yang ingin mengambil pil, pastikan mengikut peraturan.

Masalah prolapse dan kencing tidak tos hendaklah diatasi dan dirawat sebelum berangkat ke tanah suci.

Jangan terpengaruh dengan kawan-kawan yang mengambil pil, kerana keadaan tubuh badan tidak semestinya sama.



Jika tiada pilihan, pil hormon tersebut boleh digunakan dalam tempoh yang tertentu dengan nasihat & kaunseling dari pakar wanita.

(berkemungkinan ubat tersebut tidak berkesan langsung - jemaah perlu ada pelan kontigensi)

ISU-ISU SEMASA MENGERJAKAN HAJI

WANITA DAN HAJI

Solusi wanita yang didatangi haid sebelum selesai Tawaf Rukun

Pilihan 1

Memohon penundaan tarikh penerbangan pulang dari pihak TH.

Pilihan 2

Melakukan tawaf sekiranya ada naqa'.

Pilihan 3

Mengambil pandangan yang mengatakan kuning dan keruh itu bukan haid.

Pilihan 4

Dam ihsar.

Pilihan 5

Bertaklid kepada Mazhab Hanafi yang mengharuskan perempuan haid melaksanakan Tawaf Ifadah.

Hajinya selesai tetapi perlu membayar dam seekor unta.



WANITA DAN HAJI

Haid datang sebelum selesai mengerjakan Tawaf Umrah (Haji Tamattu')

1

Hajinya telah bertukar daripada Haji Tamattu' kepada Haji Qiran.

2

Dikenakan bayaran Dam Qiran.

3

Jemaah wanita yang telah membayar Dam Tamattu' maka dam itu bertukar menjadi Dam Qiran.



WANITA DAN HAJI

Sa'ie selepas Tawaf

Wuquf, Mabit di Muzdalifah dan Mina

Melontar 3 Jamarat

DI ANTARA PERKARA YANG BOLEH DILAKUKAN SEMASA HAID

Niat ihram

Mandi sunat ihram

Bergunting dengan tujuan tahallul

Talbiah, tasbih, tahmid, takbir dan zikir

Wuquf di Arafah

WANITA DAN HAJI

LARANGAN KETIKA HAID

01
02
03
04

Berwuduk

Solat

Puasa

Tawaf

HARAMMembaca
al-QuranMenyentuh dan
membawa al-QuranBerada di
dalam masjidSuami
menceraikan isteri

Bersetubuh

05

06

07

08

09

WANITA DAN HAJI



PERHATIAN!

Bagi memudahkan pembimbing menyelesaikan permasalahan haid, jemaah haji wanita **MESTI** membuat catatan kedatangan haid seperti berikut:

- Hari dan masa datang haid
- Hari dan masa berhenti haid
- Warna dan sifat darah setiap hari
- Adat haid dan suci bulan sebelum

KESIMPULAN

1

Mempelajari ilmu berkaitan fiqh wanita adalah fardhu ain bagi semua jemaah wanita.

2

Kedatangan haid bukanlah halangan untuk jemaah haji wanita melakukan manasik Haji dan Umrah melainkan tawaf.

3

Keputihan yang membatalkan wuduk adalah yang keluar dari batin faraj.

4

Terdapat jalan penyelesaian bagi wanita untuk menyempurnakan Hajinya walaupun dalam kedatangan haid.



DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ حَجَّاً مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلاً صَالِحًا مَقْبُولاً وَتَحْمَارَةً لَنْ تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



Ya Rabb...

Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang...

Engkaulah yang memakbulkan segala doa...

*Perkenankanlah doa-doa para hamba-Mu yang
saban hari merayu dan menadah tangan..*

*meratap memohon untuk memijakkan kaki,
bertawaf dan bersujud di Bait-Mu ini...*

...

Perkenankan doa-doa rindu mereka...

Sampaikanlah hajat mereka Ya Allah...

Amiin..!